

From: Mohamad Nizar Mokhtar

Sent: Tuesday, 10 February, 2015 8:42 AM

To:

Cc: Mohammed Noor Ahmad; Hazlina Hussain; Yamuna; Azlina Zakaria; Piramanayaki Arunachalam; Noor Mohamad Zakariah; Ros Zamrilah Binti Abdullah; CCOCommunity

Subject: RE: Definisi "dormant" bagi syarikat yang perlu mengemukakan Borang E bagi tahun pengajian 2014

Assalam wrt.

Puan,

Dengan hormatnya saya diarahkan untuk merujuk kepada perkara diatas.

Berikut adalah maklum balas kepada pertanyaan puan yang dikemukakan melalui emel pada 5 Februari 2015.

Setiap syarikat mesti mengemukakan Borang E menurut peruntukan seksyen 83(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53):

“ Every employer shall , for each year, furnish to the Director General a return in the prescribed form...”

Dengan demikian, adalah satu tanggungjawab statutori bagi sebuah syarikat/firma sebagai majikan untuk mengemukakan Borang E. Jika syarikat tidak mempunyai pekerja, syarikat bertanggungjawab melaporkan kepada LHDNM melalui Borang tersebut bahawa mereka tidak mempunyai pekerja. Dalam hal ini, syarikat yang menentukan/melaporkan tiada/siapaakah pekerjaanya. Maklumat tersebut adalah dalam pengetahuan syarikat dan Borang tersebut diperlukan oleh LHDNM untuk mengumpul maklumat tersebut.

Saya memohon maaf kerana agak lewat mengemukakan maklum balas kerana perkara tersebut memerlukan sedikit masa untuk penelitian dan mendapatkan pandangan dari sudut perundangan mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Perhatian dan tindakan lanjut pihak puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

MOHAMAD NIZAR MOKHTAR

PENOLONG PENGARAH | BAHAGIAN PENGURUSAN PELANGGAN | JABATAN OPERASI CUKAI | LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

☎ : 03-83138888 samb. 21421 | 📠 : 03-83137853/54

📞 : 1-800-88-5436 (LHDN) (Pusat Khidmat Pelanggan)

🌐 : <http://www.hasil.gov.my>

ANDALAH WIRA NEGARA!

HASIL Teman Kecerdasan Anda

From:

Sent: Friday, 6 February, 2015 3:35 PM

To: Mohamad Nizar Mokhtar

Cc: Mohammed Noor Ahmad; Yamuna; Azlina Zakaria; Piramanayaki Arunachalam; Noor Mohamad Zakariah; Ros Zamrilah Binti Abdullah

Subject: RE: Definisi "dormant" bagi syarikat yang perlu mengemukakan Borang E bagi tahun pengajian 2014

Wassalam Encik Nizar,

Terima kasih atas maklum balas segera.

Best regards

From: Mohamad Nizar Mokhtar

Sent: Friday, 6 February, 2015 3:24 PM

To:

Cc: Mohammed Noor Ahmad; Yamuna; Azlina Zakaria; Piramanayaki Arunachalam; Noor Mohamad Zakariah

Subject: RE: Definisi "dormant" bagi syarikat yang perlu mengemukakan Borang E bagi tahun pengajian 2014

Assalam wrt.

Puan,

Emel pertanyaan puan telah dikemukakan kepada pihak pengurusan untuk perhatian dan penyediaan maklum balas.

Maklum balas tersebut akan saya kemukakan segera kepada pihak puan selepas ia disediakan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

MOHAMAD NIZAR MOKHTAR

PENOLONG PENGARAH | BAHAGIAN PENGURUSAN PELANGGAN | JABATAN OPERASI CUKAI | LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

☎ : 03-83138888 samb. 21421 | 📠 : 03-83137853/54

📞 : 1-800-88-5436 (LHDN) (Pusat Khidmat Pelanggan)

🌐 : <http://www.hasil.gov.my>

ANDALAH WIRA NEGARA!

HASIL Teman Keceriaan Anda

From:

Sent: Thursday, 5 February, 2015 10:42 AM

To: Mohamad Nizar Mokhtar

Subject: Definisi "dormant" bagi syarikat yang perlu mengemukakan Borang E bagi tahun pengajian 2014

Assalamualaikum Encik Mohamad Nizar,

Lanjutan kepada Program Memfailkan BNCP bagi tahun 2015, dengan ini saya merujuk kepada perenggan 2.2 (b) seperti berikut:-

b) Companies, Limited liabilities partnerships, trust bodies and cooperative societies which are dormant and / or have not commenced business, are required to furnish the ITRF (including Form E) with effect from Year of Assessment 2014.

Kami sedia maklum bahawa pembayar-pembayar cukai seperti yang tertera di perenggan 2.2(b) dikehendaki mengemukakan Borang E bagi tahun pengajian 2014, walau bagaimanapun kami amat menghargai sekiranya pihak tuan dapat memberi maklumbalas mengenai definisi "dormant".

Contoh: Sekiranya status pembayar cukai adalah 'dormant' dan tidak mempunyai nombor rujukan cukai 'E', adakah mereka dituntut untuk mendaftar dengan unit majikan walaupun mereka tidak mempunyai pekerja bagi tahun pengajian 2014 dan tahun-tahun sebelumnya?

Maklumbalas segera pihak tuan, amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas